

Lembah Serdang kawasan Agropolis

Sejajar dengan pendekatan pertanian baru yang dilaksanakan kerajaan sekarang

Oleh Misiah Taib

SERDANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengisytiharkan kawasan Lembah Serdang seluas 2,400 hektar sebagai kawasan Agropolis, sejajar dengan pendekatan pertanian baru yang dilaksanakan kerajaan sekarang.

Pemilihan kawasan Lembah Serdang, kata Perdana Menteri sesuai dengan kedudukan kawasan itu yang menempatkan banyak institut penyelidikan termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi); Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Jabatan Pertanian, Taman Teknologi Malaysia dan Lembaga Koko Malaysia.

"Dengan adanya Mardi, UPM dan rakan-rakan bisnes lain, kita boleh gabungkan satu rangkaian kerjasama untuk mewujudkan kawasan agropolis di Lembah Serdang yang akan menjalankan kajian secara bersepadu dalam usaha memperkasakan sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Showcase Biobisnes Mardi 2005 di sini, semalam.

Pendekatan pertanian baru ke arah meningkatkan hasil dan kualiti pertanian kata beliau, harus bermula dari makmal, yang mana segala biji tanaman, buah, baja dan sebagainya harus bermula di makmal.

Perdana Menteri berkata, kecanggihan teknologi maklumat (ICT), bioteknologi dan nanoteknologi harus dieksploitasi sepenuhnya bagi memperkasakan sektor pertanian.

Pada sidang media selepas itu Abdullah berkata, dulu cuma ada pertanian tradisional dan selepas itu kerajaan perkenalkan pula pertanian moden dengan menggunakan kaedah lebih baik, tapi hari ini beliau mahu memperkenalkan pula pertanian baru.

"Sekarang saya nak cakap tentang pertanian baru yang berasaskan kepada pendekatan dari makmal penyelidikan ke pasaran.


"Penyelidikan yang akan dapat menambah lagi hasil..hasil ternakan,

hasil tanaman dan sebagainya. Dan hasil itu pula berkualiti yang bukan saja boleh dijual di pasaran secara segar tetapi hasilkan produk-produk yang ditambah nilainya," katanya.

Beliau berkata, kejayaan pendekatan pertanian baru itu telah dibuktikan oleh negara lain seperti Belanda, yang walaupun mempunyai kawasan pertanian terhad, tetapi mampu menjadi antara pengeluar makanan terbesar di dunia.

"Kalau kita dulu biasa capai kecemerlangan, melalui RRI (Institut Penyelidikan Getah) bagi industri getah, dan kita biasa capai kecemerlangan melalui penyelidikan Porim (Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia) bagi kelapa sawit, kita boleh juga capai kecemerlangan bagi sektor pertanian baru kita (melalui kerjasama Mardi, UPM, Jabatan Pertanian dan institusi-institusi berkaitan)," katanya.

Abdullah berkata perkara itu tidak mustahil untuk dilakukan kerana Malaysia kini mempunyai teknologi baru yang boleh diguna pakai untuk



SEGAR: Abdullah dan Muhyiddin melihat buah-buahan yang dipamerkan selepas merasmikan Showcase Biobisnes Mardi 2005, semalam.

tujuan berkenaan.

Beliau juga mengarahkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya memberi tumpuan kepada penyelidikan menghasilkan nilai tambah kepada buah-buahan tempatan yang terlalu banyak.

"Durian misalnya banyak di negara kita, tapi kita tidak boleh berharap ia akan memberi pulangan lumayan hanya dengan menjual buah segar. Kita perlu buat penyelidikan bagaimana nak buat produk lain daripada durian yang boleh dipasarkan ke luar negara," katanya.